

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]

TARIKH : 26 JULAI 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 65

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian atau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) boleh mempertimbangkan untuk mengenakan lesen kenderaan motor (cukai jalan) berdasarkan berat kenderaan berbanding berdasarkan jenis enjin seperti pelaksanaan sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan kadar fi bagi Lesen Kenderaan Motor (LKM) atau cukai jalan adalah berdasarkan Kaedah 16, Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959 dan Garis Panduan Pengiraan Kadar LKM Bagi Kenderaan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kaedah dan garis panduan tersebut memperuntukkan bahawa sesuatu kadar fi bagi kenderaan persendirian (motosikal/motokar) adalah ditentukan berdasarkan jenis milikan, kod kegunaan dan kawasan penggunaan selain dari kapasiti enjin (*Cubic Capacity* – CC). Penentuan ini juga mengambilkira kenderaan tersebut digunakan untuk membawa penumpang berdasarkan kapasiti tempat duduk yang ditetapkan.

Bagi kenderaan perdagangan pula seperti lori rigid, penggerak utama (*prime mover*) dan *trailer*, kadar fi LKM telah pun ditentukan oleh kerajaan berdasarkan berat sesebuah kenderaan. Ini bermaksud semakin berat sesebuah kenderaan perdagangan, kadar fi LKM kenderaan berkenaan akan meningkat. Penetapan parameter berat bagi penentuan fi LKM untuk kenderaan perdagangan adalah munasabah dengan mengambilkira tujuan kegunaan kenderaan tersebut untuk mengangkut dan membawa barangan dari suatu destinasi ke destinasi yang lain.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian mengambil maklum pandangan Yang Berhormat Merbok untuk menetapkan kadar fi LKM berdasarkan berat kenderaan. Walau bagaimanapun, Kementerian berpandangan bahawa kaedah penetapan tersebut adalah lebih sesuai digunapakai kepada kenderaan perdagangan sepertimana yang dipraktikkan sekarang. Namun demikian, sekiranya Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan perkara tersebut kepada kenderaan persendirian, satu kajian yang teliti perlulah dilakukan.